



**PEKELILING AM
KERAJAAN NEGERI JOHOR BIL.4 TAHUN 2002**

**Kehadiran Anggota-anggota Jawatankuasa
Pembangunan Daerah Di dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah**

1. TUJUAN:

Pekeliling ini bertujuan untuk mewajibkan kehadiran anggota-anggota Jawatankuasa Pembangunan Daerah tanpa diwakilkan kepada pegawai kanan atau di bawahnya di dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah.

2. LATARBELAKANG:

- 2.1. Keanggotaan Jawatankuasa Pembangunan Daerah telah ditetapkan oleh Arahan No.1 Tahun 2001 yang telah dikeluarkan pada 8 Mei 2001. Arahan ini ditandatangani oleh Y.A.B. Perdana Menteri.
- 2.2. Arahan tersebut telah menetapkan keanggotaan Jawatankuasa Pembangunan Daerah sebagaimana Lampiran A. Fungsi Jawatankuasa Pembangunan Daerah sebagaimana yang ditetapkan oleh Arahan No.1 Tahun 2001 adalah sebagaimana Lampiran B.
- 2.3. Adalah diperhatikan sejak kebelakangan ini, kehadiran anggota-anggota Jawatankuasa Pembangunan Daerah sendiri yang menjadi ahli di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah adalah kurang menggalakkan. Ada dikalangan anggota-anggota tersebut mewakilkan kepada pegawai kanan atau di bawahnya.
- 2.4. Pentadbiran Negeri memandang berat akan perkara ini kerana Jawatankuasa Kerja Pembangunan Daerah ditubuhkan bagi memastikan semua keputusan Majlis Pembangunan Negeri dilaksanakan sepenuhnya di Peringkat Daerah. Jawatankuasa Kerja Pembangunan Daerah juga berperanan menangani isu/masalah Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan Lima Tahun Kerajaan dan Projek-projek Khas yang diluluskan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.
- 2.5. Ketidakhadiran anggota-anggota Jawatankuasa Pembangunan Daerah boleh menjejaskan pengambilan keputusan yang lebih berkesan untuk menangani isu/masalah pelaksanaan projek-projek pembangunan atau perakuan cadangan dasar dan strategi pelaksanaan untuk pertimbangan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri dan Majlis Pembangunan Negeri. Ia juga boleh menggagalkan objektif penubuhan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Daerah dan seterusnya melambatkan pencapaian pembangunan Negeri Johor yang menekankan kepada pendekatan yang menyeluruh dan seimbang.



3. PELAKSANAAN:

- 3.1. Jawatankuasa Pembangunan Daerah hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.
- 3.2. Pada harimesyuarat tersebut, kedatangan anggota-anggota Jawatankuasa Pembangunan Daerah akan dicatat di dalam Buku Daftar Kehadiran.
- 3.3. Adalah diharapkan semua anggota-anggota Jawatankuasa Pembangunan Daerah **khususnya Wakil-Wakil Rakyat dikehendaki hadir tanpa diwakilkan kepada pegawai kanan atau di bawahnya**. Sekiranya mereka tidak dapat hadir hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi. **Hanya Y.B. Menteri dibenarkan mewakilkan kehadirannya dengan Setiausaha Politiknya.**

4. KUATKUASA:

Pekeliling Am ini berkuatkuasa serta-merta. Pegawai Daerah/Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah hendaklah memastikan bahawa kehadiran anggota-anggota Jawatankuasa berkenaan dilaksanakan sepenuhnya.

**(DATO' HAJI AYUB BIN MION)
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR**

Bertarikh: 20 September 2002